

## **KEPERLUAN OPERASI PERKHIDMATAN PEMBAIKAN BANGUNAN UiTM**

### **1.0 AM**

- 1.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan operasi perkhidmatan pembaikan bangunan sepertimana yang dinyatakan di dalam keperluan operasi UiTM di bawah dan spesifikasi bagi tender ini dalam satu jangkamasa yang telah ditetapkan oleh UiTM ataupun sebarang perlanjutan tempoh oleh UiTM.

### **2.0 SKOP KERJA**

- 2.1 Tugas utama kontraktor adalah seperti berikut:
- a) Melaksanakan kerja-kerja pembaikan kerja-kerja awam dalam bangunan dan sistem perpaipan dalaman untuk bangunan di UiTM Kampus Selayang dinamakan sebagai UiTM.
  - b) Melaksana semua tanggungjawab kontrak di bawah tender ini.
- 2.2 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja pembaikan mengikut kelulusan Pegawai Penguasa berasaskan aduan oleh warga UiTM dan arahan Pegawai Penguasa.
- 2.3 Pegawai Penguasa akan mengeluarkan Nota Arahan Kerja (Work Order) kepada kontraktor dari masa kesemasa di dalam tempuh kontrak yang ditetapkan.
- 2.4 Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk merancang dan melaksanakan aktiviti kontraktor mengikut kontrak ini.
- 2.5 Kontraktor hendaklah mematuhi semua peraturan daripada Agensi Penguatkuasa yang berkaitan, membekalkan peralatan, kelengkapan, pekerja dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dalam tempoh masa kontrak.

- 2.6 Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan di tempat kerja. Sebarang kerugian, kehilangan atau kerosakan akibat kecuaiannya kontraktor dan semua kos penggantian semula akan ditanggung oleh kontraktor.
- 2.7 Kontraktor hendaklah menghargakan tender berdasarkan item yang dinyatakan di dalam Ringkasan Tawaran dan mengisi di ruang Jadual Kadar Harga. Sebarang usaha memenuhkan harga diantara item adalah ditegah. Harga yang ditawarkan menjadi asas pengiraan perubahan kerja dan tuntutan kos kerja.
- 2.8 Kontraktor juga dikehendaki mengisi Borang Senarai Peralatan (Jenama & Buatan) untuk tender ini.
- 2.9 Kadar harga bagi setiap item kerja di dalam tender ini adalah termasuk kos upah buruh, kos harga bahan, kos sewa jentera, kos pengangkutan, peralatan keselamatan pekerjaan (PPE) dan juga kos pengurusan (overhead) serta keuntungan ke atas kontraktor.
- 2.10 Bagi kerja-kerja meroboh, membuka dan membuang kontraktor dikehendaki memasukkan sekali kos untuk kerja-kerja membawa keluar atau membuang semua bahan-bahan buangan atau lebihan atau segala sampah sarap yang timbul dari kerja-kerja tersebut ke luar kampus UiTM. Pihak kontraktor dinasihatkan melantik pihak yang boleh mengitar semula bahan buangan kerja pembaikan bangunan
- 2.11 Tempoh kontrak untuk kerja perkhidmatan pembaikan bangunan ini ialah selama 2 (dua) tahun.

### 3.0 UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PIAWAIAN

3.1 Semua kerja yang dilaksanakan termasuk kakitangan yang melaksanakan kerja, bahan dan peralatan hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian daripada pihak-pihak berkuasa dan berwajib yang berkaitan.

3.2 Pelaksanaan kerja juga hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan di bawah:

- i. *The Electricity Supply Act 1990;*
- ii. *The Electricity Regulations 1994;*
- iii. *MS.IEC 364:1996 or BS 7671:1992 (IEE Wiring Regulations);*
- iv. *Uniform Building By-Laws 1984;*
- v. *Factories and Machinery Act 1967;*
- vi. *Occupational Safety and Health Act 514:1994;*
- vii. *The latest Malaysian Standards and/or IEC Standards;*
- viii. Spesifikasi Piawaian JKR;
- ix. Imigresen;
- x. KWSP;
- xi. SOCSO; dan
- xii. CIDB
- xiii. Pegawai Penguasa UiTM.

3.3 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk penyerahan bagi semua permohonan yang berkaitan kepada Pihak Berkuasa bagi tujuan melaksanakan kerja mengikut syarat-syarat kontrak dan spesifikasi kerja di bawah kontrak ini.

3.4 Jika Peralatan Perancah, kren & Gondola perlu digunakan di dalam melaksanakan kerja-kerja Pembaikan kontraktor hendaklah mengemukakan permit berkenaan kepada Pegawai Penguasa UiTM sebelum memulakan kerja.

3.5 Sebarang bayaran/denda yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan di atas kesalahan/perlanggaran peraturan/undang-undang adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

3.6 Semua alat ganti dan kelengkapan hendaklah baru, tidak terpakai dan sama seperti yang sedia ada terpasang. Sekiranya ada pilihan (*alternative*) alat ganti digunakan, ia hendaklah sama ataupun lebih baik kualiti daripada alatan asal dan bergantung kepada kelulusan P.P.

#### **4.0 OPERASI PEMBAIKAN BANGUNAN**

4.1 Kontraktor hendaklah menyediakan kelengkapan peralatan yang bersesuaian kepada pekerja untuk melakukan kerja pembaikan.

4.2 Kontraktor perlu menyediakan alat ganti yang mutunya setanding dengan sediaada atau mendapat kelulusan dari Pegawai Penguasa mengikut spesifikasi dan/atau kelulusan UiTM, JKR atau SIRIM. Kadar harga alat ganti adalah mengikut persetujuan dalam dokumen kontrak.

4.3 Kontraktor hendaklah memastikan semua sisa binaan dan bahan buangan daripada bangunan dibawa keluar dari Kampus UiTM setelah kerja-kerja pembaikan selesai dilaksanakan.

4.4 Kontraktor hendaklah mematuhi arahan keselamatan yang ditetapkan oleh UiTM dan mematuhi Prosedur Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM.

4.5 Sekiranya menjumpai barang-barang berharga, kontraktor hendaklah menyerahkannya kepada Pegawai Keselamatan/P.P.

- 4.6 Kontraktor diingatkan bahawa UiTM berhak membuat pemotongan bayaran sekiranya
- i. Mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan dan di luar piawai atau P.P
  - ii. Gagal mengemukakan pengesahan siap kerja.
  - iii. Membuat tuntutan item-item yang tidak terdapat di tapak kerja.
- 4.7 Kontraktor hendaklah sentiasa memantau dan mengambil tindakan pembetulan dan tindakan pembaikan segera bagi mengelakkan kemungkinan bahaya kepada pengguna.
- 4.8 Sekiranya kerja-kerja kontraktor terganggu semasa waktu pejabat disebabkan penggunaan ruang, kerja tersebut hendaklah dilakukan selepas waktu pejabat. Tiada sebarang tuntutan boleh dibuat kepada UiTM di atas sebab-sebab tersebut. Kontraktor hendaklah menjangkakan sebarang kerja yang terpaksa dilaksanakan di luar waktu pejabat. Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada P.P. terlebih dahulu.
- 4.9 Apabila P.P membuat pemeriksaan operasi kontraktor, kontraktor hendaklah membantu dan bekerjasama serta mengemukakan apa-apa dokumen sekiranya diminta oleh wakil P.P.
- 4.10 Kontraktor perlu sentiasa bersedia untuk menerima arahan kerja dari P.P. samada dalam/luar waktu pejabat untuk menjayakan sesuatu program/majlis rasmi.
- 4.11 Kerja-kerja yang diarahkan berkemungkinan telah dirancang ataupun tidak dirancang (*urgent*).
- 4.12 Tuntutan bayaran pembaikan bangunan hendaklah dibuat setiap akhir bulan berasaskan Borang Aduan Kerosakan atau Dokumen Arahan Kerja yang telah disahkan.
- 4.13 Jika tuntutan bayaran perkhidmatan yang dibuat tidak mempunyai kadar harga dalam jadual Kadar Harga Kontrak ini maka tuntutan tersebut hendaklah berpandukan Jadual Kadar Harga JKR terkini dengan persetujuan Pegawai Penguasa.

4.14 Semua pekerja kontraktor adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan UiTM.

## 5.0 KAKITANGAN

5.1 Kontraktor dikehendaki mengambil pekerja yang layak dan bilangan yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan bangunan.

5.2 Semua pekerja-pekerja dikehendaki mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh P.P. atau wakilnya.

5.3 Kontraktor hendaklah mengambil pekerja yang cekap bekerja serta berkelakuan baik dan tidak mempunyai sebarang rekod kesalahan jenayah.

5.4 Sekiranya pekerja melakukan salah laku maka kontraktor mestilah memecat pekerja tersebut apabila diarahkan oleh P.P.

5.5 Pihak kontraktor hendaklah mengambil pekerja yang mempunyai kemahiran atau kelayakan yang setaraf dengan tugas yang diberikan untuk sepanjang tempoh kontrak.

5.6 Kontraktor hendaklah menyediakan kakitangan yang mencukupi mengikut beban kerja dan mempunyai kelayakan seperti berikut.

| NO. | JAWATAN/PEKERJA | KELAYAKAN                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Penyelia        | Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejuruteraan Politeknik Malaysia ,atau yang setaraf denganya.                                                                                                                                                                        |
| 2.  | Tukang Paip     | Memiliki Sijil pertukangan paip dari Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPMV) atau Institut Kemahiran MARA (IKM) atau Institut Latihan Perindustrian (Jabatan tenaga Buruh) atau Institut kemahiran yang diiktiraf oleh jabatan Bekalan Air (JBA)/Kerajaan Malaysia. |

|    |             |                                                                                                                                                                                                                                              |
|----|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 3. | Tukang Kayu | Memiliki Sijil Pertukangan kayu dari Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM) atau Institut Kemahiran MARA (IKM) atau Institut Latihan Perindustrian (Jabatan Tenaga Buruh) atau Institut Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. |
| 4. | Pekerja Am  | Tamat Darjah 6                                                                                                                                                                                                                               |

- 5.7 **Kontraktor hendaklah melampirkan salinan sijil-sijil (Kemahiran/Pertukangan) yang dimiliki oleh pekerja sebelum memulakan kerja.**
- 5.8 Kontraktor hendaklah menambah jumlah pekerja yang di tempatkan dalam Kampus UiTM sekiranya kuantiti kerja-kerja yang dilakukan terlalu banyak tanpa tuntutan daripada UiTM.
- 5.9 Kontraktor digalakkan menggunakan tenaga pekerja tempatan. Tetapi sekiranya menggunakan tenaga pekerja asing, maka kontraktor mestilah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.
- 5.10 Sekiranya pekerja asing yang digunakan tidak mematuhi syarat-syarat berkenaan maka UiTM berhak untuk tidak membenarkan pekerja syarikat memasuki dalam kawasan kampus/kolej kediaman ataupun menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan.
- 5.11 Pekerja asing yang diambil hendaklah boleh berkomunikasi di dalam bahasa kebangsaan Malaysia dan/atau Bahasa Inggeris .
- 5.12 Pekerja kontraktor hendaklah memakai pakaian seragam yang ditetapkan oleh UiTM.
- 5.13 Sekiranya pekerja gagal memakai pakaian seragam maka P.P. berhak mengambil tindakan dan pemotongan bayaran akan dikenakan.

- 5.14 Pekerja kontraktor juga dikehendaki memakai pas kerja yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan UiTM. Bahagian Keselamatan UiTM berhak menarik semula pas berkenaan atas sebab kesalahan atau keselamatan yang bercanggah dengan peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh UiTM.
- 5.15 Kontraktor hendaklah sentiasa boleh dihubungi dan maklumbalas dengan segera bila diperlukan selepas waktu pejabat.
- 5.16 Kontraktor hendaklah menyediakan alat perhubungan sama ada telefon selular ataupun *walkie-talkies* bagi memudahkan berkomunikasi antara UiTM dan pihak kontraktor.
- 5.17 Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam yang diluluskan oleh Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT UiTM Cawangan Selangor.
- 5.18 Staf kontraktor hendaklah disediakan dengan kelengkapan dan peralatan yang sesuai untuk melaksanakan kerja dengan selamat dan profesional.

## **6.0 WAKTU BEKERJA**

- 6.1 Waktu bekerja adalah mengikut waktu rasmi UiTM iaitu Isnin hingga Jumaat bermula 8:00 pagi hingga 5:00 petang dan Cuti Sabtu, Hari Ahad & Cuti Umum adalah mengikut arahan PP.
- 6.2 Kontraktor hendaklah sentiasa bersedia untuk melaksanakan kerja-kerja diluar waktu yang ditetapkan (kecemasan) sekiranya diarahkan oleh P.P tanpa ada kos tambahan.

## **7.0 PENGGUNAAN BAHAN/PERALATAN**

- 7.1 Kontraktor hendaklah mendapat pengesahan P.P. mengenai penggunaan bahan/peralatan yang akan digunakan.

- 7.2 Menyediakan segala papan tanda arahan seperti 'DILARANG MASUK','BAHAYA' atau 'HARAP MAAF' KERJA-KERJA PEMBAIKAN SEDANG DIJALANKAN SEGALA KESULITAN AMAT DIKESALI dan panduan yang sesuai sekiranya kerja-kerja pembaikan sedang dilakukan.

## **8.0 LAPORAN DAN REKOD**

- 8.1 Kontraktor hendaklah menyediakan laporan setiap bulan dalam bentuk *hardcopy* & *softcopy* kepada P.P. Laporan *hardcopy* hendaklah ditandatangani oleh penyelia dan kontraktor. Laporan yang disediakan hendaklah dinyatakan tarikh dan aktiviti yang dilaksanakan. Format laporan yang disediakan hendaklah mendapat kelulusan P.P. dan termasuk perkara-perkara berikut:-

- i. Jumlah keseluruhan aduan kerosakan.
- ii. Jumlah keseluruhan pembaikan.
- iii. Jumlah keseluruhan kerja tertangguh atau belum dibaiki.
- iv. Jumlah kos tuntutan.
- v. Laporan Kemalangan di tapak.
- vi. Laporan bergambar jika diarahkan oleh P.P.

## **9.0 HASILKERJA (WORKMANSHIP)**

- 9.1 Kontraktor hendaklah memastikan kakitangan menghasilkan kerja yang baik mengikut spesifikasi. Semua kerja yang dilaksanakan mestilah mendapat pengesahan daripada UiTM untuk mengawal kualiti kerja.

## **10.0 MEMBENARKAN PEGAWAI PENGUASA (P.P.) ATAU WAKIL P.P. MENGAWALSELIA KERJA KONTRAKTOR**

- 10.1 P.P. atau wakil P.P. hendaklah sentiasa dibenarkan oleh kontraktor untuk lawatan pemeriksaan. P.P. juga berhak untuk memeriksa, menyelia dan mengambil sebarang data/sampel ke atas kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan kontraktor. Kontraktor

hendaklah sentiasa membantu P.P. untuk mendapat sebarang maklumat mengenai kerja yang dilaksanakan.

- 10.2 P.P. juga berhak untuk memasuki kawasan kerja dan memberhentikan kerja di bawah kontrak ini sekiranya kontraktor yang dilantik gagal melaksanakan kerja mengikut akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang telah ditetapkan oleh UiTM.